

TNG Digital sasar kuasai pasaran e-dompot

DAK WKS CO 2/10/19

TNG Digital Sdn Bhd (TNG Digital) berada dalam landasan tepat untuk menembusi 70 peratus pasaran e-dompot di negara ini menggunakan Touch 'n Go eWallet menjelang tahun depan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Ignatius Ong, berkata Touch 'n Go eWallet kini menjadi semakin penting, malah boleh digunakan untuk pelbagai transaksi.

Katanya, Touch 'n Go eWallet bukan hanya untuk pembayaran tol, malah menawarkan pilihan gaya hidup lebih meluas untuk pembelian tiket wayang, pembelian runcit, makanan dan minuman serta hiburan.

"Kami optimis pengguna akan menikmati saluran pembayaran baharu ini dan menjangkakan penggunaannya diterima baik.

"Sehingga kini, Touch 'n Go eWallet memiliki lebih lima juta pengguna berdaftar dan lebih

80,000 rakan dagang di seluruh negara," katanya pada majlis jalinan kerjasama antara TNG Digital dan Revenue Group Bhd (Revenue) di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Revenue, Eddie Ng Chee Siong. Kerjasama membolehkan peng-



Sehingga kini, Touch 'n Go eWallet memiliki lebih lima juta pengguna berdaftar dan lebih 80,000 rakan dagang di seluruh negara.

Ignatius Ong,
Ketua Pegawai Eksekutif
TNG Digital



Ong (kanan) dan Chee Siong (dua dari kiri) pada majlis jalinan kerjasama antara TNG Digital dan Revenue di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Mahziz Mat Isa/BH)

guna Touch 'n Go eWallet untuk membeli-belah di Taobao dan Tmall dan melakukan pembayaran menggunakan aplikasi e-dompot pada platform dompet revPAY milik Revenue.

Ong berkata, sebagai aplikasi dalam e-dompot Touch 'n Go, kami mahu terus menjadi penyedia kepada pasaran tanpa tunai serta memperkasa ekosistem pembayaran digital cergas dan selamat.

Beliau berkata, menerusi kerjasama itu juga pihaknya menyasarkan peningkatan 10 kali ganda transaksi Touch 'n Go eWallet.

"Sejak Touch 'n Go eWallet diperkenalkan pada 9 September sehingga kini, kami menerima 1,000 transaksi dengan nilai RM100,000.

"Selain itu, bermula 5 hingga 15 Oktober ini, pengguna Touch 'n Go eWallet berpeluang menikmati pulangan tunai RM10 bagi transaksi bernilai RM100," katanya.